

**Sistem Pemberian Subsidi Perlu Dikaji Semula - Tun Dr Mahathir
Bernama
11 Disember, 2012**

PETALING JAYA, 11 Dis (Bernama) -- Sistem pemberian subsidi di negara ini perlu dikaji semula bagi memastikan subsidi yang diberikan kerajaan sampai kepada golongan yang benar-benar memerlukannya, kata Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata pemberian subsidi sekarang antaranya subsidi petrol tidak betul-betul sampai kepada golongan yang memerlukan kerana mekanisme pengagihan subsidi itu kurang berkesan menyebabkan mereka yang tidak layak turut menerimanya.

"Bila seseorang ada kereta besar mereka boleh isi banyak petrol dalam kereta maka dia dapat banyak subsidi petrol berbanding mereka yang ada kereta kecil boleh isi sikit petrol jadi dapat subsidi sedikit.

"Walhal kita tahu rakyat kita yang ada kereta besar majoritinya pendapatan tinggi dan kereta kecil pendapatan rendah, jadi subsidi itu tidak sampai betul kepada yang memerlukan," katanya kepada pemberita pada Selasa.

Terdahulu beliau menyampaikan ucapan bertajuk 'Transformasi Luar Bandar : Peranan Pentadbir Daerah' pada Mesyuarat Penyelarasan Pembangunan Daerah Siri 2/2012, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah di Mutiara Damansara di sini.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=716621>